



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

RABU
20 Mei 2026



Hormati hak pekerja untuk kerja secara fleksibel

SELAMA bertahun-tahun, pelbagai usaha dilakukan kerajaan bagi melindungi hak dan kebajikan pekerja dalam negara dan ini termasuklah melalui pindaan undang-undang buruh supaya relevan dengan keadaan semasa yang sentiasa berubah.

Antara yang dipinda adalah Akta Kerja 1955 [Akta 265] di mana buat pertama kalinya dalam sejarah negara ini sistem kerja secara fleksibel mula diiktiraf dalam peruntukan undang-undang negara.

Melalui pindaan berkenaan, bermula pada 2023, pekerja hanya perlu membuat surat permohonan kepada majikan untuk memohon perubahan waktu bekerja, hari bekerja atau perubahan tempat kerja.

Pihak majikan pula perlu memberi jawapan dalam tempoh 60 hari dari tempoh permohonan. Dalam surat jawapan bertulis majikan kepada pekerja, mereka perlu nyatakan sama ada menerima permohonan atau menolak permohonan dengan alasan yang perlu dinyatakan.

Turut dipinda adalah pengurangan jumlah waktu bekerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam. Pindaan

tersebut dilakukan untuk menjaga kebajikan pekerja serta memberi kelonggaran dalam waktu bekerja selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Pindaan ini juga membolehkan pekerja menggunakan susunan waktu bekerja yang lebih fleksibel. Di bawah peraturan baharu ini, pekerja dibenarkan bekerja mengikut kesesuaian tempat, waktu dan hari bekerja termasuklah bekerja dari rumah ketika hadapi situasi kecemasan.

Banyak kajian yang dilakukan di serata dunia juga mendapati pekerja lebih menggemari aturan secara fleksibel ini. Ada pekerja yang sanggup meletak jawatan dari kerja serta bertukar kerja sekiranya majikan mereka tidak membenarkan mereka bekerja secara fleksibel. Penting supaya majikan menghormati kehendak dan kemahuan pekerja terhadap perkara ini.

Segala manfaat yang diperoleh dapat mengurangkan beban dan tekanan kepada pekerja sekali gus menjadikan mereka lebih produktif serta dapat memberi khidmat yang terbaik kepada pihak organisasi. Ia juga dapat memberi lebih banyak keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi. Pekerja yang gembira akan membawa manfaat untuk semua pihak.

DR. MUZAFFAR SYAH MALLOW

Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



Bermula pada 2023, pekerja hanya perlu membuat surat permohonan kepada majikan untuk memohon perubahan waktu bekerja.”

Graduan berdepan 'penalti gaji'

Lebih satu pertiga pekerja berpendidikan tertiariperangkap dalam pekerjaan bawah tahap kelayakan

Oleh Kamarulzaidi dan Mahanum Abdul Aziz
bhbiz@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Lebih satu pertiga pekerja berpendidikan tinggi di negara ini terperangkap dalam pekerjaan di bawah tahap kelayakan mereka, menurut laporan terkini Bank Dunia.

Laporan Pemantau Ekonomi Malaysia April 2026, 'Menaikkan Siling, Menaikkan Lantai: Agenda Pekerjaan sebagai Agenda Produktiviti' menunjukkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran dalam kalangan pekerja berpendidikan tinggi meningkat daripada sekitar 30.2 peratus pada 2015 kepada 36.1 peratus pada 2024, walaupun trend berkenaan sedikit reda dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.



Menurutnya, situasi itu mengundang kesan kewangan apabila kumpulan graduan berkenaan berdepan 'penalti gaji', di mana mereka memperoleh pendapatan 49.3 peratus lebih rendah berbanding rakan sebaya dalam pekerjaan padanan kemahiran yang tepat.

Definisi penalti gaji sebahagian besarnya mencerminkan fe-

nomena penyesihan pekerjaan atau *occupational sorting* di mana lambakan siswazah tempatan terpaksa akur menerima tawaran kerja kelompok bawahan yang menawarkan bayaran saraan bulanan rendah.

Laporan itu juga menyatakan orang muda paling terkesan dengan isu itu, lebih 44 peratus pekerja berusia 25 hingga 29 tahun yang memiliki pendidikan

tinggi didapati bekerja dalam pekerjaan di bawah tahap kemahiran mereka.

Wanita juga lebih cenderung mengalami situasi sama, dengan kadar penggunaan kemahiran yang tidak optimum mencecah sekitar 40 peratus.

Faktor seperti kekangan padanan kerja, fleksibiliti pekerjaan dan akses kepada pekerjaan berkualiti tinggi dilihat menjadi antara penyumbang utama.

"Fenomena itu turut ketara dalam sektor pekerjaan tidak formal dan ekonomi gig, di mana ramal pekerja berkemahiran tinggi menjadikan pekerjaan itu sebagai pilihan sementara akibat kekurangan peluang pekerjaan bergaji baik dan stabil," menurut laporan itu.

Jurang berbeza ikut negeri

Jurang peluang pekerjaan berkualiti juga dilihat berbeza mengikut negeri dengan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran melebihi 50 peratus di Kelantan dan melebihi 40 peratus di Terengganu, Pahang dan Perlis.

Bukti ketidakefektifan pasaran pekerjaan diperkukuhkan lagi dengan perangkaan menunjukkan bilangan siswazah memasuki pasaran setiap tahun jauh

mengatasi jumlah kekosongan jawatan berkemahiran tinggi sedia ada.

Walaupun kelompok majikan sering melaporkan kesukaran mencari bakat, kekurangan kemahiran berkenaan hanya tertumpu kepada kumpulan teknikal yang sempit, bukannya penunjuk bahawa negara kekurangan graduan secara umum.

Bank Dunia berkata, bagi menangani cabaran itu memerlukan peralihan daripada kuantiti pekerjaan kepada kualiti pekerjaan.

Ia turut menggariskan tiga keutamaan utama iaitu mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih dinamik, merencanakan inovasi dan menyalurkan pembiayaan kepada peningkatan produktiviti dan melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang tepat serta membina modal insan yang bersedia menghadapi masa depan.

Kegagalan menguruskan jumlah siswazah salah padanan ini bukan sahaja membazirkan pelaburan modal insan, malah berisiko menyekat kemampuan negara memastikan pertumbuhan gaji yang kukuh buat rakyat selaras dengan agenda menaikkan siling produktiviti.

Haramkan model *bidding* e-hailing

Desak, Putra gesa kerajaan tetapkan formula tambang dinamik minimum

Oleh AISYAH BASARUDDIN

SHAH ALAM - Kerajaan digesa mengharamkan model tambang *bidding* e-hailing dengan segera selain menetapkan formula tambang dinamik minimum bagi semua platform perkhidmatan tersebut.

la antara enam perkara yang dikemukakan Sekretariat Rakyat Bertindak (Desak) dan Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra).

Ketua penyelaras sekretariat merangkap Presiden Putra, Datuk Dr Ibrahim Ali berkata, kerajaan juga perlu mengkaji semula kenaikan kos insurans e-hailing sehingga 178 peratus dan memastikan Akta Pekerja Gig 2025 turut menangani isu tambang, kos pekerjaan serta tekanan pendapatan pemandu.

Selain itu menurutnya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Bank Negara, platform e-hailing, syarikat insurans dan wakil pemandu mesti di-



Desak dan Putra menggesa kerajaan haramkan model tambang *bidding* e-hailing dan tetapkan formula tambang dinamik minimum. - Gambar Hiasan



IBRAHIM

panggil ke meja rundingan khas agar keputusan dasar yang jelas dapat dibuat.

"Pemandu e-hailing kini di-himpit tiga penjuru. Tambang ditekan melalui sistem *bidding*, kos insurans e-hailing meningkat mendadak sehingga 178 peratus dan Akta Pekerja Gig 2025 masih belum memberi jawapan jelas terhadap isu pendapatan, kos operasi dan struktur tambang yang tidak adil.

"Sistem *bidding* e-hailing bukan persaingan sihat. Ia membuka ruang kepada pengguna menetapkan harga perjalanan mengikut kehendak sendiri tanpa mengambil kira kos sebenar pemandu," tegas beliau.

Ibrahim menegaskan, model sebegini menjadi punca kepada kerosakan tambang e-hailing kerana ia tidak lagi ditentukan berdasarkan jarak, masa, kos operasi dan risiko perjalanan, sebaliknya ditekan oleh harga paling murah.

Beliau berpandangan, keadaan itu bu-

kan sahaja menjejaskan pendapatan pemandu, malah berisiko menurunkan kualiti perkhidmatan dan meningkatkan risiko keselamatan.

Katanya, apabila tambang terlalu rendah, pemandu terpaksa mengejar lebih banyak *'trip'* untuk menampung kos harian, sekali gus meningkatkan tekanan kerja dan keletihan di jalan raya.

Lebih menghairankan, kata Ibrahim, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke pada 11 Mei 2024 pernah mengatakan bahawa kerajaan tidak pernah membenarkan pelaksanaan sistem *bidding* dalam industri e-hailing, namun sehingga kini model tersebut masih dilihat terus beroperasi.

Dalam masa sama, Ibrahim menegaskan bahawa Akta Pekerja Gig 2025 tidak boleh dijadikan jawapan politik untuk menutup kelemahan dasar tambang e-hailing.

"Kerajaan mesti memilih sama ada mahu benar-benar melindungi pemandu atau terus membiarkan sistem yang menekan pemandu berjalan atas nama teknologi dan pasaran bebas," ujar beliau

Akses perlindungan pekerja gig dipermudah

SHAH ALAM - Perlindungan keselamatan sosial untuk pekerja gig akan mula aktif selepas mendaftar dengan penyedia perkhidmatan platform dan menerima tugasan pertama.

Mekanisme perlindungan secara pascabayar itu memperuntukkan perlindungan bagi tempoh setahun sebaik pekerja gig memenuhi dua prasyarat awal tersebut.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berkata, perincian tersebut diutarakan ketika sesi pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat.

Menurut PERKESO, pendekatan perlindungan itu sekali gus meredakan kebimbangan sekiranya pekerja gig menjana pendapatan secara separuh masa atau sambilan.

"Selepas memenuhi dua prasyarat awal, status perlindungan PERKESO masih aktif walaupun pekerja gig tidak menerima tempahan selama beberapa hari atau belum sempat cukupkan bayaran caruman minimum iaitu RM13.10 sebulan.

"PERKESO kekal komited untuk memudah cara dan menangani sebarang kerehnan birokrasi terhadap penguatkuasaan Akta 872 demi memastikan hak pekerja gig kekal terbelas, khususnya dalam mendapat perlindungan keselamatan sosial," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan kebimbangan Persatuan Rakan Penghantar Melaka (RPM) mengenai jaminan dan status perlindungan PERKESO melalui skim LINDUNG Kendiri.

Setiausaha RPM, Kamarulzaman Ahmad menggesa PERKESO menjelaskan mekanisme pelaksanaan skim itu di bawah Akta Pekerja Gig 2025.

Katanya, langkah itu bagi memastikan tiada pemandu e-hailing atau penghantar p-hailing tercicir daripada perlindungan sosial ketika berlaku kemalangan.